

AKAUN JUNIOR-i 3-DALAM-1 HONG LEONG [\(English Version\)](#)

Kemas kini terakhir pada 24 November 2025

Terma & Syarat ("T&S")

T&S ini harus dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan syarat Kad Debit-i Hong Leong, Terma-terma dan Syarat-Syarat Kemudahan e-Penyata dan Invois e-Cukai, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect (seperti yang ditentukan di bawah) dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh HLISB dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari, serta peraturan dan undang-undang lain yang mengikat ke atas HLISB.

1.0 Takrifan

"ATM"	Mesin Juruwang Automatik (i) yang dipasang oleh HLISB/HLB atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi (SAN); dan/atau (ii) yang ditetapkan oleh HLISB/HLB atau Visa/Mastercard untuk kegunaan Pemegang Kad.
"Apple"	Apple Inc.
"Apple Pay"	Platform pembayaran yang dibangunkan oleh Apple yang membolehkan anda membuat pembayaran di kedai dan dalam talian (di dalam aplikasi atau di laman web) menggunakan Kad Mudah Alih anda melalui Peranti Apple Layak yang serasi.
"CASA/CASA-i"	Akaun Semasa dan Simpanan HLB/Akaun Semasa-i dan Simpanan-i HLISB.
"Pemegang Kad"	Pemegang Kad HLISB yang telah menerima JDC-i.
"CDM"	Mesin Deposit Tunai yang dipasang oleh HLISB/HLB untuk anda membuat deposit dan transaksi pembayaran secara tunai.
"kanak-kanak"	Individu di bawah lapan belas (18) tahun, yang merupakan benefisiari kepada akaun JA-i 3-dalam-1.
"HLB Connect"	Perkhidmatan Perbankan Internet yang disediakan oleh HLISB/HLBB untuk membolehkan anda melakukan transaksi perbankan dengan menggunakan terminal komputer peribadi atau apa-apa peranti elektronik menerusi pelayar internet dengan Kod Keselamatan; dan termasuk perkhidmatan yang ditambah, diubah atau ditarik balik oleh HLISB/HLB pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa.
"Pelanggan"	Pemegang akaun utama bagi JA-i 3-dalam-1, yang merupakan ibu bapa/penjaga sah kanak-kanak tersebut.
"Cawangan Domisil"	Cawangan HLISB/HLB di mana JA-i 3-dalam-1 dibuka dan diselenggara.
"Peranti Layak"	Sebarang peranti elektronik atau telekomunikasi, termasuk telefon pintar, tablet, jam tangan pintar atau peranti lain yang menyokong penambahan Kad Mudah Alih ke dalam Dompot Mudah Alih seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
"HLB"	Hong Leong Bank Berhad termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
"HLISB"	Hong Leong Islamic Bank Berhad termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak milik dan pemegang serah haknya.
"IBG"	Pindahan Giro Antara Bank.
"JA-i 3-dalam-1"	Akaun Junior 3-dalam-1 terdiri daripada tiga (3) akaun, iaitu Akaun Simpanan-i Junior, Deposit Tetap-i Junior dan Kad Debit-i Junior (yang dipautkan kepada Akaun Isian Semula).
"JSA-i"	Akaun Simpanan-i Junior yang merupakan akaun simpanan-i yang diselenggara dengan HLISB dan kanak-kanak adalah benefisiarinya.

“JFD-i”	Deposit Bertempoh yang diletak oleh Pelanggan ke dalam Akaun JFD-i untuk menikmati kadar keuntungan tinggi khusus buat kanak-kanak tersebut.
“Akaun JFD-i”	Akaun Deposit Tetap-i Junior merupakan akaun deposit tetap yang diselenggara dengan HLISB, dan kanak-kanak tersebut adalah benefisiarinya.
“JDC-i”	Kad Debit-i Junior, yang dikenali sebagai kad debit-i prabayar isian semula. JDC-i dipautkan kepada Akaun Isian Semula dan dikeluarkan kepada Pelanggan untuk kemudahan kanak-kanak tersebut. JDC-i dikeluarkan kepada kanak-kanak tersebut dengan persetujuan Pelanggan.
“Kad Mudah Alih”	Versi digital Kad anda yang anda tambah ke dalam Dompot Mudah Alih pada Peranti Layak anda.
“Transaksi Kad Mudah Alih”	Sebarang transaksi yang menggunakan Kad Mudah Alih anda.
“Dompot Mudah Alih”	Sebuah aplikasi yang dipasang pada Peranti Layak yang membolehkan Kad Mudah Alih anda disimpan bagi membolehkan Transaksi Kad Mudah Alih dilakukan.
“Penyedia Dompot Mudah Alih”	Penyedia Dompot Mudah Alih termasuk tetapi tidak terhad kepada Apple Pay, Google Pay atau Samsung Pay atau mana-mana penyedia lain seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
“bulan”	Bulan Kalendar.
“Bukan Cawangan Domisil”	Mana-mana cawangan HLISB/HLB selain Cawangan Domisil.
“Akaun Isian Semula”	Akaun maya yang dipautkan kepada JDC-i.
“Touch n’ Go”	Sebuah syarikat teknologi kewangan Malaysia yang memfokuskan pada ekosistem pengangkutan dan infrastruktur pembayaran berasaskan platform di negara ini

2.0 Gambaran Keseluruhan JA-i 3-dalam-1

- (a) JA-i 3-dalam-1 ialah akaun "Dewasa bagi Anak" iaitu di mana ibu bapa / penjaga yang sah adalah pemegang akaun utama dan anak tersebut adalah benefisiari akaun tersebut. Hanya satu (1) benefisiari sahaja untuk setiap akaun JA-i 3-dalam-1.
- (b) Permohonan untuk JA-i 3-dalam-1 mestilah dibuat oleh Pelanggan.
- (c) Akaun JSA-i, JFD-i dan Akaun Isian Semula (dipautkan ke JDC-i) akan dibuka serentak ketika pembukaan JA-i 3-dalam-1. Pelanggan boleh mengekalkan Akaun JFD-i dan Akaun Isian Semula yang dipautkan ke JDC-i dengan baki **sifar (0)**. Walau bagaimanapun, Pelanggan hendaklah memastikan baki minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu (RM1)** di dalam akaun JSA-i sepanjang masa, untuk mengelakkan akaun JSA-i ditutup.
- (d) Pengeluaran JDC-i adalah pilihan berdasarkan permintaan.
- (e) E-Penyata bulanan adalah tersedia di HLB Connect.
- (f) Pelanggan mempunyai kuasa mutlak untuk mengendalikan dan menutup JA-i 3-dalam-1.

3.0 Akaun-akaun dalam JA-i 3-dalam-1

3.1 Akaun Simpanan-i Junior ("JSA-i")

- (a) Deposit minimum yang diperlukan untuk membuka JSA-i ialah **Ringgit Malaysia Satu (RM1)**.
- (b) Keuntungan untuk JSA-i akan dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki akhir pada setiap hari dan akan dikreditkan ke dalam JSA-i pada hari terakhir setiap bulan.
- (c) Jika berlaku penutupan JA-i 3-dalam-1, keuntungan akan dikira secara pro-rata berdasarkan bilangan hari akaun itu kekal aktif bagi bulan tersebut dan akan dikreditkan pada hari akaun tersebut ditutup.

3.2 Akaun Deposit Tetap-i Junior ("JFD-i")

- (a) Peletakan deposit minimum yang diperlukan bagi JFD-i ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**.
- (b) JFD-i hanya disediakan untuk tempoh 1 hingga 12, 15, 18, 24, 36, 48 dan 60 bulan ("**Tempoh**"). HLISB berhak mengubah Tempoh pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari.
- (c) Peletakan JFD-i hanya boleh dibuat melalui Kaunter ("**OTC**") di mana-mana cawangan HLISB/HLB atau melalui arahan tetap ("**SI**") daripada JSA-i.
- (d) Berkuat kuasa pada 12 Jun 2021 ("**Tarikh Berkuat Kuasa**"), tiada lagi pengkreditan keuntungan secara interim pada setiap bulan ("**Peraturan Baharu**").
 - Untuk semua JFD-i yang baharu, keuntungan akan dikreditkan ke dalam JSA-i hanya pada tarikh matang JFD-i tersebut.
 - Untuk JFD-i yang dibuka sebelum Tarikh Berkuat Kuasa, keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam JSA-i pada setiap bulan hingga akhir tempoh JFD-i tersebut. Sekiranya JFD-i diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

(**Sekiranya JFD-i dikeluarkan sepenuhnya pada atau sebelum tempoh matang atau tempoh minimum seperti yang ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, HLISB berhak untuk mendebit Akaun JFD-i pelanggan bagi semua keuntungan bulanan terakru yang telah dibayar termasuk tetapi tidak terhad kepada semua keuntungan yang dibayar ke atas sebahagian pengeluaran awal.)

Ilustrasi:

Peletakan JFD-i sebelum Tarikh Berkuat Kuasa untuk tempoh 12 bulan dengan tarikh matang pada 31 Julai 2021 akan menikmati pengkreditan keuntungan setiap bulan. Setelah matang, JFD-i tersebut akan diperbaharui untuk 12 bulan lagi. Keuntungan diperolehi dari JFD-i yang diperbaharui ini hanya akan dibayar pada akhir tempoh 12 bulan iaitu pada 31 Julai 2022.

- (e) Tiada resit akan dikeluarkan untuk peletakan JFD-i. Semua transaksi dan aktiviti JFD-i akan dipaparkan dalam penyata elektronik bulanan Akaun Junior-i 3-dalam-1.

- **Arahan Tetap bagi Peletakan JFD-i**

- (i) Pelanggan boleh membuat peletakan JFD-i daripada JSA-i melalui SI (terhad kepada sekali sebulan).
- (ii) SI mestilah dibuat di Cawangan Domisil sahaja.
- (iii) Pelanggan mestilah menyatakan tarikh peletakan dan Tempoh pilihan bagi peletakan JFD-i daripada JSA-i dengan peletakan minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** atau dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sehingga maksimum amaun sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** sahaja sebulan.
- (iv) Untuk membolehkan peletakan JFD-i daripada JSA-i melalui SI, baki minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** mestilah dikekalkan dalam JSA-i selepas peletakan JFD-i tersebut dibuat. Jika tidak, SI tidak akan dilaksanakan.
- (v) Keuntungan bagi peletakan JFD-i melalui SI daripada JSA-i berdasarkan kadar semasa JFD-i bagi Tempoh berkenaan dan dipaparkan dalam penyata elektronik bulanan Akaun Junior-i 3-dalam-1 .

- **Pengeluaran Sebahagian dan Pengeluaran Pramatang JFD-i**

- (i) Pengeluaran sebahagian JFD-i dibenarkan semasa dalam Tempoh dengan syarat baki di dalam akaun JFD-i sebelum pengeluaran secara sebahagian itu adalah melebihi **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**. Jika tidak, pengeluaran sebahagian tersebut akan dianggap pengeluaran pramatang bagi keseluruhan JFD-i.
- (ii) Pengeluaran sebahagian JFD-i boleh dibuat di mana-mana cawangan, iaitu Cawangan Domisil atau Bukan Cawangan Domisil.
- (iii) Pengeluaran sebahagian JFD-i adalah dibenarkan dengan pengeluaran minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** atau dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** atau apa-apa amaun lain yang akan ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari.
- (iv) Baki jumlah peletakan JFD-i akan terus menikmati kadar JFD-i seperti yang ditetapkan.
- (v) Tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang JFD-i, tanpa mengambil kira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang tersebut dibuat.

3.3 Kad Debit-i Junior (Isian Semula) (“JDC-i”)

- (a) JDC-i dipautkan kepada Akaun Isian Semula.
- (b) Tiada keuntungan bagi baki di dalam Akaun Isian Semula.
- (c) **Bahagian T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat Kad Debit-i Hong Leong** dengan pengecualian berikut:
 - ⌚ “e-Akaun” tidak berkenaan;
 - ⌚ “Pemegang Akaun Bersama” tidak berkenaan;
 - ⌚ Transaksi JDC-i akan dipaparkan dalam penyata elektronik bulanan JA-i 3-dalam-1
- (iv) Kod Keselamatan – Hanya ATM PIN akan diberi.

3.3.1 Akaun Tidak Aktif

- (a) Akaun Isian Semula akan menjadi tidak aktif secara automatik jika JSA-i menjadi tidak aktif.
- (b) JDC-i tidak lagi sah untuk digunakan apabila JSA-i dan Akaun Isian Semula menjadi tidak aktif.
- (c) Baki akaun di dalam Akaun Isian Semula akan dipindahkan semula ke dalam JSA-i pada hari sebelum Akaun Isian Semula menjadi tidak aktif.
- (d) Pelanggan boleh mengaktifkan semula akaun tidak aktif tersebut dengan melakukan transaksi dalam JSA-i. Status pengaktifan semula Akaun Isian Semula hanya akan dikemas kini pada hari berikutnya setelah transaksi dan pengaktifan semula JSA-i berjaya dilakukan.

3.3.2 Isian Semula JDC-i

- (a) Pelanggan mestilah melakukan isian semula kredit ke dalam Akaun Isian Semula sebelum menggunakan JDC-i.

(b) Terdapat **Dua (2)** pilihan tambah nilai yang tersedia bagi JDC-i seperti berikut:

Isian Semula Auto	Pelanggan mempunyai pilihan untuk melanggan perkhidmatan isian semula automatik ("Isian Semula Auto") untuk menambah nilai tunai secara automatik ke dalam Akaun Isian Semula melalui OTC atau HLB Connect. ❶ Perkhidmatan Isian Semula Auto melalui OTC • Perkhidmatan Isian Semula Auto hanya tersedia daripada JSA-i kepada Akaun Isian Semula. • Setelah JDC-i dikeluarkan, Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) akan didebitkan daripada JSA-i dan akan diisi semula secara automatik ke dalam Akaun Isian Semula dengan syarat Pelanggan telah memilih perkhidmatan Isian Semula Auto. • Isian Semula Auto akan dilaksanakan apabila baki dalam Akaun Isian Semula susut di bawah paras Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50). • Amaun minimum Isian Semula Auto ialah Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) dan dalam gandaan Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) sehingga amaun maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) sebulan. • Isian Semula Auto tertakluk pada jadual tambah nilai harian pada pukul 6:00 pagi, 1:00 tengah hari dan 5:00 petang ("Jadual Isian Semula"). Sebarang Isian Semula Auto yang diperlukan selepas 5:00 petang akan dijadualkan untuk Isian Semula pada hari berikutnya. • Hanya satu (1) Isian Semula Auto dibenarkan dalam sehari. • Perkhidmatan Isian Semula Auto melalui OTC disediakan secara percuma. ❷ Perkhidmatan Isian Semula Auto melalui HLB Connect • Hanya terpakai kepada Pelanggan yang telah mendaftarkan anak mereka untuk Aplikasi HLB Pocket Connect. • Log masuk ke https://s.hongleongconnect.my/ dan sediakan tambah nilai berulang dalam Portal Ibu Bapa HLB Pocket Connect untuk memindahkan daripada mana-mana CASA/CASA-i ke dalam Akaun Isian Semula. • Perkhidmatan Isian Semula Auto melalui HLB Connect tersedia secara percuma.
---------------------------------	---

Isian Semula Manual	Isian Semula Manual boleh dilakukan melalui OTC, CDM, ATM dan HLB Connect ke dalam Akaun Isian Semula. (i) OTC: • Ringgit Malaysia Dua (RM2) akan dikenakan bagi setiap Isian Semula melalui OTC. Amaun ini akan ditolak daripada amaun isian semula (contoh, untuk Isian Semula Manual sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Isian Semula ialah Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan (RM48)). (ii) CDM: • Masukkan JDC-i ke dalam CDM atau tekan nombor JDC-i enam belas (16) digit untuk isian semula. • Isian semula melalui CDM adalah percuma. (iii) ATM: • Masukkan JDC-i Pelanggan ke dalam ATM dan tekan nombor JDC-i enam belas (16) digit untuk isian semula. • Isian semula melalui ATM adalah percuma. (iv) HLB Connect: • Layari https://s.hongleongconnect.my/ dan pindahkan daripada mana-mana CASA/CASA-i ke dalam nombor JDC-i enam belas (16) digit. • Isian semula menerusi HLB Connect adalah percuma
----------------------------	--

3.3.3 Kelayakan Dompot Mudah Alih

Kelayakan dan penggunaan Dompot Mudah Alih yang disediakan oleh Penyedia Dompot Mudah Alih adalah tertakluk kepada terma dan syarat Penyedia Dompot Mudah Alih yang berkenaan.

4.0 Transaksi dalam talian

- a) Sebarang pendaftaran untuk mengakses HLB Connect mesti dilakukan oleh Pelanggan.
- b) Pelanggan dibenarkan untuk melakukan transaksi dengan JSA-i melalui HLB Connect. Untuk senarai penuh transaksi yang dibenarkan di HLB Connect, sila layari laman [web](http://www.hlb.com.my/app) kami di www.hlb.com.my/app.

5.0 Transaksi Berkaitan Tol

- (a) JDC-i diaktifkan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan mengetiknya pada terminal pembayaran.
- (b) Pelanggan dan/atau Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Isian Semula Pemegang Kad mempunyai baki yang mencukupi sebelum melakukan sebarang transaksi berkaitan tol.
- (c) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan dimulakan oleh Touch n' Go dengan pengesahan pembayaran tertunda yang mungkin berpotensi mengakibatkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dan tarikh dan masa transaksi sebenar.
- (d) Jika Pemegang Kad menggunakan JDC-i dan melalui tol dengan berjaya, tetapi Akaun Isian Semula tidak mempunyai dana yang mencukupi, HLISB berhak untuk menuntut dari Pelanggan dan/atau Pemegang Kad jumlah yang dikenakan untuk pembayaran tol dengan mendebit Akaun Isian Semula Pemegang Kad yang dihubungkan dengan JDC-i.

6.0 Pematuhan Syariah

- (a) Kad JDC-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau aktiviti atau tujuan yang tidak mematuhi Syariah yang boleh mengakibatkan HLISB menolak transaksi di Terminal Tempat Jualan (POS).
- (b) Kad JDC-i tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga yang menyediakan barangan dan perkhidmatan yang tidak mematuhi Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi yang

tidak mematuhi Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori Peniaga seperti berikut:

- Ø Bar, Ruang Istirehat Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras;
- (ii) Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras;
- (iii) Kedai dan Gerai Cerut/Rokok;
- (iv) Urusniaga Perjudian;
- (v) Perjudian Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing dan Perjudian Bukan Sukan Dalam Talian/Internet di Antara Negeri;
- (vi) Perkhidmatan Janji Temu dan Teman Sosial.

Nota: Senarai peniaga dan aktiviti tidak mematuhi Syariah di atas dikemas kini dari semasa ke semasa dan apabila senarai tersebut diubah.

7.0 Penukaran manfaat JA-i 3-dalam-1 apabila benefisiari mencapai umur lapan belas (18) tahun

- (a) Segala manfaat di bawah JA-i 3-dalam-1 akan ditamatkan pada bulan berikutnya setelah benefisiari mencapai umur **lapan belas (18)** tahun. JSA-i akan bertukar secara automatik kepada Akaun Simpanan-i Hong Leong ("**Akaun Simpanan-i**") atas nama bersama Pelanggan sebagai pemegang akaun utama dan benefisiari sebagai pemegang akaun bersama.
- (b) Nombor akaun JSA-i akan dikekalkan dan diguna pakai untuk Akaun Simpanan-i, yang tertakluk pada **Terma & Syarat Am Akaun**.
- (c) JFD-i sedia ada (jika ada) akan kekal mengikut kadar dan tempoh ditetapkan sehingga tarikh matang, pada ketika itu nanti: (i) JFD-i tidak akan diperbaharui lagi; dan (ii) amaun pokok JFD-i serta keuntungannya akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i apabila matang.
- (d) E-Penyata suku tahunan JFD-i akan dikeluarkan pada bulan Mac, Jun, September dan Disember untuk menggantikan e-Penyata Akaun Junior-i 3-dalam-1 dan akan disediakan melalui HLB Connect.
- (e) JDC-i juga tidak lagi sah untuk digunakan. Akaun Isian Semula akan ditutup secara automatik sebaik sahaja JSA-i ditukar kepada Akaun Simpanan-i dan baki selebihnya akan dipindahkan ke dalam Akaun Simpanan-i. Pelanggan dan benefisiari tersebut dikehendaki mengunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLB dengan membawa MyKad mereka untuk menggantikan JDC-i dengan kad debit-i baharu yang dipautkan ke Akaun Simpanan-i.
- (f) Pemberitahuan bertulis mengenai pertukaran JSA-i kepada Akaun Simpanan-i akan dikeluarkan oleh HLISB kepada Pelanggan sebulan sebelum benefisiari mencapai umur 18 tahun.

7.1 Fi dan Caj bagi JA-i 3-dalam-1

- (a) Pengeluaran tunai OTC hanya boleh dibuat dengan mengisi borang yang ditetapkan dan menyediakan dokumen yang diperlukan oleh HLISB/HLB.
- (b) HLISB berhak mengubah kaedah atau cara pengeluaran tunai pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari.
- (c) Tiada fi akan dikenakan untuk pengeluaran OTC pertama setiap bulan. Fi perkhidmatan sebanyak **Ringgit Malaysia Dua (RM2)** akan dikenakan bagi setiap pengeluaran berikutnya dalam bulan yang sama.
- (d) Transaksi pengeluaran adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada semua transaksi debit seperti pengeluaran tunai dan pindahan debit yang dilakukan melalui OTC tetapi tidak termasuk SI dan penutupan akaun.
- (e) Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di www.hlbislamic.com.my/dci2 atau imbas kod di bawah.



Ahli PIDM. Hong Leong JA-i 3-dalam-1 dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my